

**PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-14
Kuliah Maghrib Abu Zulfiqar Al-Amsyari kali ke-98**

IMBAS KEMBALI KULIAH KALI KE-13

TINGKAT-TINGKAT WARA'

1. Tingkat saksi (paling bawah). Tak buat benda-benda haram.
2. Tingkat solihin. Tolak benda-benda syubahat.
3. Tingkat muttaqin. Tinggalkan benda-benda yang halal, untuk menjaga diri.
4. Tingkat siddiqin .

TINGKAT-TINGKAT BERSIH/ SUCI

1. Bersih anggota zahir dari hadas, najis, kotoran, dan benda2 yang menjijikkan. (paling bawah).
2. Bersih anggota badan daripada melakukan perkara-perkara yang mendatangkan dosa.
3. Bersih anggota batin (hati) dari sifat-sifat mazmumah.
4. Bersih sir (rahsia/ batin) dari segala sesuatu selain Allah.

Cara membersihkannya?

1. Dengan air, debu, sabun, wudhuk, mandi wajib dll.
2. Dengan melakukan perbuatan yang baik-baik sahaja.
3. Dengan mengenal sifat-sifat mazmumah dan menjauhkannya.
4. Dengan mencapai ilmu mukasyafah.

ZIHAR

Maksud zihar dari segi bahasa – belakang.

Maksud zihar dari segi istilah syarak – suami menyerupakan isterinya dengan ibunya atau wanita yang mahram dengannya.

Tujuan zihar dilakukan – orang Arab Jahiliyyah bermaksud hendak mengharamkan isterinya buat selamanya. Sama seperti talak bain, iaitu talak yang tidak boleh dirujuk semula. Islam membawa penyelesaian masalah zihar.

Cara bayar kifarah (denda) zihar (mengikut urutan) :

1. Merdekakan hamba
2. Puasa 2 bulan berturut-turut.
3. Beri makan 60 orang miskin (seorang secupak makanan asasi)

LI'AN

Maksud li'an, dari segi bahasa – berjauhan.

Maksud li'an dari segi syarak – beberapa perkataan tertentu yang dijadikan hujah oleh suami untuk menuduh isteri yang menjemukan tempat tidurnya dan menutup keinginannya.

Asal li'an – suami yakin isterinya berzina dengan orang lain dan mahu mendapatkan keadilan. Pada zaman jahiliyyah, suami akan bawa isteri menemui tukang tilik/ ahli junum untuk ditilik.

Contoh lafaz si suami :

“Aku naik saksi dengan nama Allah, aku berkata benar bahawa isteriku berzina(4 X). Laknat Allah ke –atas aku sekiranya aku berdusta.”

Contoh lafaz si isteri :

“Aku naik saksi dengan nama Allah, dia berdusta (4X). Laknat Allah ke atas aku sekiranya dia berkata benar.”

Hasil daripada li'an :

1. Si suami tidak dihukum (80 sebatan)
2. Si isteri dihukum hudud.
3. Suami dan isteri berpisah selamanya.
4. Si suami boleh menafikan anak yang diyakininya bukan zuriatnya.

Jalan keluar selain li'an – si suami boleh menceraikan sahaja isterinya, lebih-lebih lagi jika belum ada anak.

ILMU JALAN KE AKHIRAT

Jika engkau mengatakan : “Huraikanlah kepada aku dengan jelas akan **ilmu jalan ke akhirat** itu, yang menunjukkan isi serta tujuannya, sekalipun (huraian itu) tidak sampai benar-benar terperinci.”

Maka ketahuilah, bahawa **ilmu jalan ke akhirat** itu ada dua macam :

1. Ilmu mukasyafah
2. Ilmu mua'ammalah.

Pertama : **ilmu mukasyafah** itu ialah ilmu batin. Dan itulah **kesudahan (penamat) segala ilmu**.

Telah berkata sebahagian 'ariffin (orang-orang yang arif tentang Allah SWT) : “*Orang yang tidak mempunyai bahagian dari ilmu mukasyafah ini, aku khuatir akan buruk kesudahannya (mati dalam keadaan yang rugi).* Sekurang2 bahagian drpdnya ialah **mengakui ilmu itu dan tunduk (hormat) kepada ahlinya.**”

Berkata yang lain : “*Orang yang ada padanya dua perkara, tidak akan terbuka baginya sedikitpun dari ilmu (mukasyafah) ini, iaitu berbuat bid’ah atau takbur.*”

Ada lagi yang mengatakan : “*Barangsiaapa mencintai dunia atau selalu memperturutkan hawa nafsu, nescaya dia tidak akan yakin dengan ilmu (mukasyafah) ini, dan mungkin dia yakin kepada ilmu-ilmu yang lain. Sekurang-kurangnya penyeksaan terhadap orang yang mengengkarinya ialah tidak merasakan sedikitpun kelazatan ilmu ini.*”

Itulah **ilmu orang-orang siddiqin dan muqarrabin**, yakni ilmu mukasyafah. Iaitu ibarat cahaya yang lahir dalam hati ketika penyucian dan pembersihannya dari sifat-sifat yang tercela. Dari cahaya itu tersingkaplah beberapa banyak keadaan yang tadinya namanya pernah didengar. Maka diragukan pengertiannya yang tidak terhurai, lagi tidak jelas.

Lalu jelaslah ketika itu, sehingga berhasillah **ma’rifat yang hakiki** dengan Zat Allah SWT, dan sifatNya yang kekal sempurna, perbuatanNya dan hukumNya pada kejadian dunia dan akhirat.

Cara penyusunanNya melebihkan akhirat dari dunia, mengenal erti kenabian dan nabi, erti wahyu, erti syaitan, erti kata-kata malaikat dan syaitan-syaitan, cara permusuhan syaitan dengan manusia, bagaimana kedatangan malaikat kepada nabi-nabi, bagaimana sampai wahyu itu kepada nabi-nabi, mengenal alam malakut langit dan bumi, mengenal hati dan betapa pertempuran antara bala tentera malaikat dan syaitan di dalam hati, mengenal perbezaan antara langkah malaikat dan langkah syaitan, mengenal akhirat, syurga dan neraka, azab kubur, titian, timbangan, hitungan amal dan maksud firman Allah Taala:

“Bacalah kitabmu. Cukuplah pada hari ini engkau membuat perhitungan atas dirimu sendiri.” (Al-Isra’ : 14)

Dan maksud firman Allah Taala: ***“Dan bahawa kampung akhirat itu lahir kehidupan yang sebenarnya, kalau mereka mengetahui.”*** (Al-Ankabut : 64)

Dan erti bertemu dengan Allah Ta’ala dan **memandang kepada WajahNya** Yang Maha Mulia, erti dekat dengan Allah dan bertempat di sampingNya, erti memperoleh kebahagiaan dengan menemani alam arwah, malaikat dan nabi-nabi, erti berlebih kurangnya pangkat ahli syurga, sehingga mereka melihat satu sama lain, seumpama menampak bintang bersinar di lembaran langit dan lain-lainnya yang panjang kalau hendak dibentangkan.

Kerana manusia, mengenai pengertian hal-hal yang tersebut di atas sesudah membenarkan pokok-pokoknya, mempunyai beberapa tingkat.

Sebahagian mereka berpendapat bahawa semuanya itu **hanyalah contoh-contoh**. Dan yang disediakan oleh Allah untuk hamba-Nya yang soleh ialah sesuatu yang tidak pernah dilihat oleh mata, didengar oleh telinga dan terlintas di dalam hati manusia. Dan tidak adalah serta makhluk itu syurga, selain dari sifat-sifat dan nama-nama.

Sesetengah berpendapat bahawa sebahagian adalah contoh-contoh dan **sebahagian lagi bersesuaian dengan hakikat yg sebenarnya** yg difahami dgn kata2nya.

Demikian juga, sebahagian mereka berpendapat bahawa kesudahan mengenal Allah Taala ialah mengakui kelemahan diri daripada mengenal-Nya.

Sebahagian lagi mendakwakan beberapa hal yang agung tentang mengenal Allah Ta’ala.

Ada lagi yang mengatakan, bahawa batas mengenal Allah Ta'ala itu ialah apa yang sampai kepada aqidah orang kebanyakan, iaitu beriman (percaya) bahawa Allah Ta'ala itu ada, Maha Mengetahui, Maha Kuasa, Mendengar, Melihat dan Berkata-kata.

Kami maksudkan dengan ilmu mukasyafah itu ialah bahawa **terangkat tutup (hijab)** yang menutupi sehingga jelaslah kenyataan kebenaran Allah pada semuanya itu dengan sejelas-jelasnya, laksana memandang yang tidak diragukan lagi.

Hal yang demikian itu mungkin pada diri manusia sekiranya tidak cermin hatinya telah tebal dengan karat dan kotor dengan kotoran dunia.

